

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	03 DECEMBER 2016

Transformasi Digital platform interaksi

UM-3/12/2016

■ KUALA LUMPUR 2 DIS.

PRESIDEN UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan Transformasi Digital Kelab UMNO Luar Negara sempena Perhimpunan Agung UMNO 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Transformasi Digital itu meliputi pengenalan laman web, aplikasi mudah alih dan sistem kad keahlian yang lebih interaktif untuk berhubung dengan 12,000 ahli kelab itu meliputi 80 kelab di 15 buah negara.

Berinspirasi Transformasi

Negara 2050 (TN50), inisiatif berkenaan antara pendekatan inklusif dalam melaksanakan sistem digital yang diperkenalkan itu.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi hadir sama pada majlis pelancaran berkenaan yang turut merasmikan majalah tahunan kelab itu berjudul 'Legasi'.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, inisiatif terbaharu itu membuktikan langkah perubahan dalam kelab tersebut sebagai wadah penyatuan

masyarakat Melayu terutama pelajar-pelajar yang belajar atau menetap di luar negara.

Beliau yang juga Pengerusi Biro Pelajar Luar Negara itu turut yakin kemudahan berkenaan akan memberi manfaat dalam berinteraksi dan penyebaran informasi lebih baik kepada pihak kerajaan dan parti serta sebaliknya kepada ahli-ahli.

"Laman web dan aplikasi mudah alih ini akan menjadi sebuah platform yang mengandungi hebahan dan laporan aktiviti, berita terkini dan maklumat-maklumat ahli-

ahli Kelab UMNO di serata dunia.

"Pengenalan kad keahlian pula mampu menarik minat pelajar di sana untuk melibatkan diri dalam pertubuhan seumpama ini dengan pelbagai keistimewaan yang akan ditawarkan sekali gus menjadi identiti unik kepada pelajar luar negara," katanya.

Perdana Menteri selepas itu mengadakan pertemuan tertutup dengan ahli-ahli kelab itu untuk berkongsi pandangan dan idea mereka berhubung inspirasi TN50 demi legasi kepemimpinan masa depan.